

**Anda perlu menjadi pemimpin untuk mengurus !**  
**Bahagian 3 / Akhir**



**Dr. Ali Qassem**

[www.aliqasseminternational.com](http://www.aliqasseminternational.com)

Kepimpinan efektif perlu ada sikap terbuka terhadap respon terutamanya respon negatif bagi menunjukkan orang itu tidak akan ada akibat daripada respon negatif yang diberikan. Setiap individu melakukan kesilapan. Menjadi seorang pemimpin tidak bermakna tidak boleh melakukan kesilapan. Orang-orang di sekeliling kita dapat lihat kesilapan-kesilapan ini.

Pernahkan anda melalui keadaan di mana pengurus anda hampir memecat anda apabila anda diminta memberikan pendapat dalam mesyuarat? Tindakan pengurus yang sebegini akan menyebabkan bermulanya kehilangan kepercayaan dan rasa hormat dari orang-orang bawahan.

Colin Powell berkata, "Hari di mana askar-askar berhenti membawa masalah mereka kepada anda, adalah hari di mana anda telah berhenti memimpin mereka. Mereka sama ada telah hilang keyakinan yang anda boleh menolong mereka atau menganggap anda tidak mempedulikan mereka, yang juga adalah kegagalan kepimpinan."

Pemimpin efektif akan menyeimbangkan tradisi yang sedia ada dengan yang baru. Satu kesilapan besar yang dilakukan oleh pengurus adalah cuba mengubah segala-galanya dalam tempoh masa yang singkat. Tidak dinafikan pencapaian kepimpinan yang baik adalah melalui perubahan, seperti Harry Truman, presiden Amerika Syarikat yang ke-33. Beliau berkata, "Manusia mencipta sejarah, dan bukannya sebaliknya. Dalam zaman tidak ada kepimpinan, masyarakat masih mampu berdiri. Kemajuan berlaku

apabila para pemimpin yang berani dan berkemahiran mengambil peluang untuk mengubah keadaan menjadi lebih baik.”

Namun, tradisi tidak berubah mengikut kehendak kita. Ia mengambil masa yang banyak dan lama untuk mengubah pemikiran, sikap, habit dan perlakuan manusia. Penentangan akan timbul jika ada percubaan untuk mengubah segala-galanya. Menurut ahli psikologi, manusia mempunyai pandangan dan perspektif sendiri yang menyebabkan mereka menolak perubahan. Penolakan perubahan sememangnya adalah sifat semulajadi manusia walaupun perubahan itu akan membawa kebaikan.

Pemimpin efektif tidak menggunakan kuasa vito untuk mengawal yang lain; ini bukan daya kepimpinan. Mereka menggunakan kuasa personaliti untuk mendapatkan respon orang lain bagi melakukan arahan yang diberikan. Pemimpin efektif mempengaruhi dan memberikan inspirasi kepada orang lain agar mereka melakukan tugas dengan rela hati dan memimpin mereka mencapai tahap yang lebih tinggi. Dalam Harvard Business Review (2004), Brian Pitman berkata, “Semakin banyak pemimpin mengawal yang lain, semakin sedikit orang akan maju, semakin berkurang kepercayaan terhadap pemimpin. Pemimpin tidak mengawal; mereka memberi sokongan dan memberi khidmat.”

Pemimpin efektif menolong orang lain mencungkil potensi, keyakinan diri kebaikan dalam diri dan menggalakkan mereka menjadi yang terbaik. Pemimpin efektif memberi tunjukajar kepada orang bagaimana melakukan sesuatu dan memberikan hasil yang luar biasa.

Stephen Covey berkata, “Sesebuah organisasi yang berkuasa adalah di mana setiap individu dalam organisasi itu mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran, keinginan dan peluang untuk berjaya secara peribadi dan seterusnya membawa kejayaan kepada organisasi”.

Pemimpin efektif menjadi teladan dan model dan mereka memahami menjadi bahawa mereka adalah penanda aras kepada orang lain. Mereka kotakan apa yang dikatakan, tindakan mereka adalah konsisten, mereka menepati janji, mempunyai kredibiliti serta etika yang tinggi. Orang lain akan berasa bangga dan komited bekerja dengan mereka.

Jika pekerja merasakan pemimpin tidak mempunyai kredibiliti, mereka hanya akan bekerja apabila terdapat pemantauan. Mereka akan mula mencari peluang lain dan memburukkan organisasi di belakang. Motivasi utama mereka hanya datang dari ganjaran nyata.

Untuk menjadi seorang pemimpin efektif dan berjaya, perlulah memberi khidmat kepada orang lain. Pemimpin efektif membina kejayaan dengan menolong orang lain membina kejayaan mereka. Pengurus, pemimpin dan sesiapa sahaja pada umumnya boleh mendapat apa sahaja yang dikehendaki sekiranya mereka menolong dan memberi khidmat kepada orang lain untuk mendapatkan apa yang dikehendaki.

Saya selalu bertanya kepada peserta dalam seminar saya sama ada saya mampu memaksa orang lain berkhidmat untuk saya. Mereka kata "TIDAK." Sebenarnya sesiapa sahaja boleh memaksa orang lain berkhidmat untuk mereka, dengan syarat memberikan khidmat terlebih dahulu kepada orang lain. Semakin banyak khidmat yang anda berikan, semakin banyak orang itu akan memberi khidmat kepada anda.